

Ruj.Kami : PMS/UP/656-3 JLD.3 (34)
Tarikh : November 2007

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Jabatan Wilayah Persekutuan Labuan

Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pengarah Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Pertanian Negeri Sabah

Pengarah Perikanan Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah

Pengarah Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH

BIL. 9 TAHUN 2007

**SENARAI SYARIKAT KONTRAKTOR BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
YANG DIBATALKAN PENDAFTARAN DAN LEMBAGA
PENGARAH/PEMILIK MODAL DISENARAIHITAM**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa syarikat/kontraktor bekalan dan perkhidmatan yang berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah seperti senarai di **Lampiran A** Surat Edaran ini, telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Tatatertib Pendaftaran Syarikat/Kontraktor dengan Perbendaharaan Malaysia. Kesalahan tersebut telah menyebabkan pendaftaran syarikat dibatalkan atau bidang dibatalkan/ditarik balik dan juga Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitam. Tindakan tatatertib ini diambil oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah selaku pihak berkuasa pendaftaran kontraktor di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 166.2(i), 166.2(ix) dan 184.2 dan 184.4 serta peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

3. Oleh yang demikian, kontraktor-kontraktor tersebut adalah tidak dibenarkan untuk menyertai apa-apa tawaran perolehan secara terus/sebutharga/tender Bekalan dan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Jabatan/Berkanun Negeri yang menerima peruntukan kerajaan Persekutuan, kecuali atas sebab-sebab yang kukuh dan tidak dapat dielakkan serta terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Perbendaharaan Malaysia Sabah. **Walau bagaimanapun, bagi kontrak yang telah diikat ianya masih berkuatkuasa dan diteruskan sehinggalah tamat tempoh kontrak atau kontrak ditamatkan oleh Jabatan Pelaksana tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam kontrak tersebut.**

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan tiada sebarang perolehan diuruskan oleh Jabatan/Badan Berkanun Y. Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan dengan syarikat/kontraktor berkenaan. Sebarang perolehan Bekalan dan Perkhidmatan yang diuruskan dengan syarikat/kontraktor tersebut adalah melanggar peraturan semasa perolehan Kerajaan dan pegawai yang bertanggungjawab dengan perolehan tersebut boleh dikenakan tindakan surcaj.

5. Surat Edaran ini berkuatkuasa serta merta. Di atas perhatian dan kerjasama Y. Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

t.t

(MOHD. RANI BIN SAUD)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

Sk;

Setiausaha Persekutuan Sabah

Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Kompleks Kementerian Kewangan
Precint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93592 KUCHING SARAWAK

Pengarah
Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Blok A, Aras 4
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Jalan UMS- Sulaman, Likas
Beg Berkunci 2021
88450 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sabah
Tingkat 6 & 7, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat, Likas
88594 KOTA KINABALU

Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan
Tingkat 5, Blok 4
Menara Pejabat Ujana Kewangan
Petri Surat 80622
87016 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

sk;

Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Sandakan
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Labuk, Beg Berkunci 41
90009 SANDAKAN

Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau
Tingkat 4, Rumah Persekutuan
Bandar Sabindo
91009 TAWAU

Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Keningau
Rumah Persekutuan
Beg Berkunci No. 5
89009 KENINGAU